

**[A REVIEW OF THE REMAINS RIWĀYAT MUTAWĀTIRAH IN PRESENT TIME:
ANALYSIS STUDIES]****SOROTAN TERHADAP RIWĀYAT MUTAWĀTIRAH YANG KEKAL PADA ZAMAN
SEKARANG: KAJIAN ANALISIS**

GUMAA AHMED HIMMAD¹
AHMAD BAHĀ' BIN MOKHTAR¹
RIFQI HIDAYATIL¹

¹Fakulti Usuluddin, Univerisiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), BE1310, Brunei Darussalam.

Email: rifqiibnutakdir4@gmail.com

Received: 15th April 2024

Accepted: 27th May 2024

Published: 1st June 2024

Abstract

The scholars agree that *Qirāat 'Asyarah Mutawātirah* are ten readings of the Qur'an which are considered authentic as Firman Allah. The truth of this *Qirāat* has been validated and is believed to have continuity and conformity with what was taught by the Prophet Muhammad S.A.W. Each *Qirāat* has two of the most famous *riwāyat*, so the total of *mutawātirah* reading amounts to 20 *riwāyat*. Although the validity of *mutawātirah* readings has been agreed upon by the majority of scholars, not all of these *riwāyat* have regular readers among Muslims today. However, only a few *riwāyat* still remain, while most of the other *riwāyat* have slowly experienced the extinction of readers over the last few centuries. This study will reveal various *riwāyat* of the Qur'an which are still popular and widely read today. It found that currently there are four *riwāyat* of the Qur'an that are still read regularly, namely *riwāyat Hafs* from Imam 'Āshim al-Kūfi, *riwāyat Warsy* and *Qālun* from Imam Nāfi' al-Madani, and *riwāyat of al-Dūri* from Imam Abū 'Amr al-Basri. *Riwāyat Hafs* is the most popular compared to the other three *riwayat*, where it is used as regular reading by Muslims from the Arabian Peninsula to Southeast Asia. It means that more than 50% of Muslims have used this *riwāyat* as their daily reading. Meanwhile, the other three *riwāyat* are only read in several African states.

Keywords: *Qirāat, Riwāyat, Mutawātir, Hafs, Wasry, Qālun, al-Dūri*

Abstrak

Para ulama telah sepakat bahawa *Qirāat 'Asyarah Mutawātirah* merupakan sepuluh bacaan al-Qur'an yang dipandang sah sebagai *Kalam Ilahi*. *Qirāat* tersebut sudah diperakui keabsahannya serta diyakini mempunyai kesinambungan dan kesesuaian dengan apa yang diajarkan oleh baginda Rasul S.A.W. Setiap *Qirāat* memiliki dua *riwāyat* paling tersohor, sehingga secara keseluruhan bacaan yang *mutawātirah* berjumlah 20 *riwāyat*. Meskipun bacaan *mutawātirah* tersebut telah disepakati keabsahannya oleh jumhur ulama, namun tidak semua *riwāyatnya* memiliki pembaca tetap dalam kalangan umat Islam pada zaman sekarang. Melainkan hanya beberapa *riwāyat* sahaja yang masih kekal, manakala *riwāyat* lainnya telah mengalami kepupusan pembaca secara perlahan-lahan sejak beberapa abad lalu. Kajian ini akan mengungkapkan pelbagai *riwāyat* al-Qur'an yang masih tersohor dan mempunyai pembaca tetap pada zaman sekarang. Kajian ini mendapat bahawa saat ini ada empat *riwāyat* al-Qur'an yang masih tetap dibaca iaitu *riwāyat Hafs* dari imam 'Āshim al-Kūfi, *riwāyat Warsy* dan *Qālun* dari imam Nāfi' al-Madani serta *riwāyat al-Dūri* dari imam Abū 'Amr al-Bashri. *Riwāyat Hafs* merupakan yang paling popular berbanding dengan tiga *riwāyat* lainnya, di mana ia dibaca secara kekal oleh umat Islam bermula dari Jazirah Arab sampai ke Asia Tenggara. Yang ertinya lebih dari

50% kaum muslimin telah merujuk kepada riwāyat tersebut. Manakala tiga riwāyat lainnya hanya tersebar di beberapa negara bahagian Afrika.

Kata kunci: Qirāat, Riwāyat, Mutawātir, Hafs, Wasry, Qālun, Al-Dūri.

Pendahuluan

Al-Qirāat al-Mutawātirah adalah sepuluh Qirāat yang telah disepakati kesahihannya oleh para ulama. Semua Qirāat tersebut merupakan kesinambungan bacaan al-Qur'an yang diajarkan oleh Nabi Muhammad S.A.W kepada para sahabat sehingga sampai kepada sepuluh imam Qirāat yang tersohor. Iaitu Imam Nāfi', Ibnu Katsir, Abu 'Amr, Ibnu 'Āmir, 'Āshim, Hamzah, Kisā'i, Abu Ja'far, Yakub dan Imam Khalaf (Al-Mas'ul, 2007). Kemudian para ulama memilih dari setiap imam tersebut sebanyak dua perawi yang meriwāyatkan bacaannya. Sehingga dalam jumlah keseluruhan ada duapuluhan riwāyat al-Qur'an mutawātir yang telah disahkan dan disepakati oleh jumhur ulama. Semua riwāyat tersebut dipandang sebagai bahagian haq daripada al-Qur'an dan *Ahruf Sab'ah* yang diwahyukan oleh Allah S.W.T kepada baginda Rasul S.A.W melalui perantaraan malaikat Jibril.

Zaman dahulu, Qirāat ataupun riwāyat yang mutawātir telah dipakai dan dibaca oleh kaum muslimin di pelbagai negeri. Hanya sahaja pada setiap negeri tersebut mempunyai satu bacaan yang paling popular dalam kalangan penduduknya masing-masing. Seperti penduduk Madinah yang lebih ramai membaca dengan Qirāat Nāfi', penduduk Makkah dengan Qirāat Ibnu Kasir, penduduk Syam dengan Qirāat Ibnu 'Āmir, penduduk Basrah dengan Qirāat Abu 'Amr dan Ya'qub. Serta penduduk Kufah dengan Qirāat 'Āshim, Hamzah atau al-Kisā'i. Manakala penduduk Mesir pada zaman itu lebih ramai menggunakan riwāyat Warsh dari imam Nāfi' dalam bacaan mereka, sehingga dari sanalah awal bermula tersebarnya riwāyat Warsh ke negeri-negeri Islam di benua Afrika. Adapun Qirāat Abu 'Amr, ianya tidak sahaja popular di kalangan penduduk Bashrah, namun sedikit demi sedikit ia juga digunakan secara luas di kalangan penduduk Irak, Hijaz, Yaman, Syam, Mesir, Sudan dan Afrika Timur hingga abad ke-10 Hijrah (Ahmad Muflīh, Khalid Syukri dan Khalid Mashur, 2001).

Namun pada zaman sekarang, tidak semua riwāyat al-Qur'an mutawātir tersebut mempunyai pembaca tetap lagi meskipun ia telah disepakati kesahihannya dan dipersetujui pemakaian oleh para ulama. Melainkan hanya beberapa riwāyat sahaja yang masih dibaca dan dipakai secara konsisten oleh umat Islam. Manakala sebahagian riwāyat lain telah mengalami kepupusan pembaca secara perlahan-lahan, sehingga membuatnya menjadi asing dalam kalangan beberapa kaum muslimin. Malahan ada yang mengira bahawa riwāyat yang mereka baca merupakan satu-satunya riwāyat al-Qur'an yang ada di dunia ini.

Dari dua puluh riwāyat al-Qur'an yang mutawātir, hanya empat riwāyat sahaja yang masih mempunyai pembaca tetap dan kekal sehingga kini. Manakala enam belas riwāyat lainnya telah mengalami kepupusan pembaca dalam kalangan kaum muslimin. Di mana hanya dipelajari pada institusi tertentu dan dibaca oleh orang-orang yang tertentu juga. Maka oleh kerana itu, kajian ini akan hadir untuk memberikan uraian mengenai empat riwāyat al-Qur'an mutawātir yang masih popular dan kekal dibaca oleh umat Islam pada zaman ini.

Riwāyat Hafs Dari Imam ‘Āshim

Riwāyat Hafs adalah suatu riwāyat al-Qur'an yang dinisbatkan kepada imam Hafs bin Sulaiman bin al-Mughirah bin Abu Dawud al-Asadi al-Kufi. Riwāyat ini merupakan riwāyat yang paling popular di dunia saat ini dalam kalangan kaum muslimin. Hampir semua penduduk yang berada di Mesir, jazirah Arab, Hindia, Pakistan dan tanah melayu menjadikan riwāyat ini sebagai riwāyat yang mereka baca sehari-hari. Dalam arti kata lain, riwāyat ini dibaca dan dipakai secara kekal lebih dari limapuluh peratus penduduk muslim di dunia. Bahkan rekod al-Qur'an, cetakan mushaf dan majlis-majlis dalam televisyen lazimnya menggunakan riwāyat Hafs, sehingga sangat jarang ditemukan orang yang tidak mengenal riwāyat ini.

Hafs bin Sulaiman al-Asadi

Hafs bin Sulaiman bin al-Mughirah bin Abu Dawud al-Asadi al-Kufi adalah salah satu dari dua periwāyat Qirāat imam ‘Āshim yang paling tersohor. Di mana riwāyatnya merupakan bacaan yang dipelajari oleh imam ‘Āshim dari gurunya Abu Abdurrahman as-Sulami yang bertalaqqi kepada Saidina Ali bin Abi Thalib. Hal tersebut telah diungkapkan secara langsung oleh imam Hafs dalam sebuah riwāyat, yang mana kala itu beliau mengeluarkan kepada imam ‘Āshim akan perbezaan bacaan antara dirinya dengan Syu'bah yang merupakan perawi kedua ‘Āshim, seraya berkata: “*Aku mengatakan kepada imam ‘Āshim bahawasanya Abu Bakar (iaitu Shu'bah bin Ayyash) mempunyai bacaan yang berbeza dengan bacaanku*”. Kemudian imam ‘Āshim menjawab: “*Aku mengajarkan kepadamu sebuah Qirāat yang telah aku pelajari daripada Abu Abdurrahman as-Sulami. Yang diambil daripada bacaannya khalifah Ali bin Abi Thalib R.A. Manakala bacaan yang aku ajarkan kepada Abu Bakar (iaitu Syu'bah) ialah bacaan yang telah aku pelajari daripada Zir bin Hubaish yang mengikut kepada bacaannya Abdullah Ibn Mas'ud*” (Al-Jazari, 1993).

Imam Hafs dilahirkan di kota Kufah pada tahun 90 Hijrah dan dikenal dengan kuniah Abu Umar. Beliau mempelajari bacaan al-Qur'an secara bersemuka daripada ayah tirinya sendiri iaitu imam ‘Āshim. Beliau dididik dan diajarkan ilmu al-Qur'an secara intensif oleh ayah tirinya itu, sehingga tidak mengherankan jika imam Hafs menjadi sebagai anak murid yang paling menguasai bacaan Qirāat imam ‘Āshim (Al-Jazari, 1993). Ketelitian dan ketepatannya dalam bacaan al-Qur'an juga telah diiktiraf oleh para ulama, antaranya ialah imam al-Syatibi yang telah memberikan puji kepada imam Hafs dalam Matan Syathibiyyah:

وَحْفَنْ وَبِالإِنْقَانْ كَانَ مُفْضَلًا

Maksudnya: “Dan imam Hafs adalah yang paling utama dalam ketepataan dan penguasaan (Qirāat imam ‘Āshim)” (Al-Syathibi, 2005).


Imam Hafs meninggal pada tahun 180 Hijrah. Namun begitu bacaannya terus dipelajari, dibaca dan dikenal oleh ramai orang. Hal tersebut disebabkan kerana imam Hafs adalah rujukan utama umat Islam di Baghdad untuk belajar dan bertalaqqi al-Qur'an. Sehingga tidak sedikit pakar-pakar dalam bidang al-Qur'an yang lahir dari didikannya dan meriwāyatkan bacaannya. Seperti Hussein bin Muhammad al-Marwazi, Hamzah bin al-Qasim al-Ahwal, Sulaiman bin

Daud az-Zahrani, Hamdan bin Abi Usman ad-Daqqaq, Amru bin as-Sabah, Ubaid bin as-Sabah, Abu Shu'aib al-Qawas dan lainnya (Al-Jazari, 1993).

‘Āshim bin Abi al-Najud

Adapun imam ‘Āshim adalah seorang tabi’in agung yang merupakan imam besar dalam bidang Qirāat dari kalangan ulama Kufah. Nama lengkapnya adalah ‘Āshim bin Abi an-Najud al-Asadi dan dikenali dengan panggilan (kuniyah) Abu bakar. Beliau adalah rujukan utama dalam bacaan al-Qur'an di kota tersebut selepas wafat gurunya Abu Abdurrahman as-Sulami yang bertalaqqi langsung kepada saidina Ali bin Abi Thalib (Al-Zahabi, 1997).

Imam ‘Āshim mempunyai sanad yang tinggi berbanding dengan beberapa imam Qirāat lainnya, bahkan Qirāat yang beliau baca tidak ada sekitupun perbezaan dengan Qirāat gurunya iaitu Abdurrahman. Begitupun bacaan Abdurrahman as-Sulami yang sama persis dengan bacaan Saidina Ali (Al-Zahabi, 1997). Sehingga atas dasar tersebut beberapa ulama mengedepankan dan menganggap bacaanya sebagai Qirāat yang diprioritaskan dalam kalangan Qirāat mutawātir. Abdullah bin Ahmad bin Hanbal yang merupakan anak daripada Ahmad bin Hanbal, bertanya kepada ayahnya: “*Bacaan al-Qur'an siapakah yang paling engkau cintai?*”. Beliau menjawab: “*Bacaan penduduk Madinah, jika tidak ada maka bacaan imam ‘Āshim yang paling aku cintai*”(Al-Syaibani, 2001).



Rajah 1: Sanad Riwayat Hafs dari Imam ‘Āshim al-Kufi kepada Rasulullah S.A.W.

Imam ‘Āshim mempunyai suara yang sangat indah dan merdu. Bacaannya juga sangat tepat lagi fasih, sehingga ramai murid dan penuntut yang datang dari pelbagai pelusuk dunia hanya untuk mempelajari ilmu Qirāat kepadanya. Hal ini dibuktikan oleh persaksian daripada Abu Bakar bin ‘Ayyash (imam Syu'bah) yang mengungkapkan bahawa beliau sering kali mendengarkan Abu Ishaq as-Sabi'i mengatakan: “*Saya belum pernah melihat seseorang yang lebih baik membaca al-Qur'an dibandingkan ‘Āshim bin Abi an-Nujud. Dia adalah seorang*

yang alim dalam bidang sunnah, sepetimana ia juga merupakan pakar dalam bidang bahasa, nahu dan fekah" (Al-Jazari, 1993).

Dalam riwāyat yang lain dari Yahya bin Adam mengungkapkan bahawa Hassan bin Saleh berkata: "*Saya belum pernah melihat seorangpun yang lebih fasih daripada ‘Āshim. Jika dia berbicara, seakan-akan kesombongan hampir sahaja memasuki hatinya*" (Al-Jazari, 1993). Yakni cara berbicara dan gaya bahasa yang digunakan oleh imam ‘Āshim. Kerana mempunyai tingkat kefasihan dan keindahan yang tinggi, maka banyak yang beranggapan bahawa beliau menyombongkan diri dengan hal tersebut saat dirinya berbicara. Pada hakikatnya tidak demikian, hal tersebut hanyalah ungkapan yang memberi gambaran bagaimana imam ‘Āshim mempunyai tingkat kefasihan yang sangat tinggi.

Faktor-Faktor Kemasyhuran Riwāyat Hafs

Riwāyat Hafs dari imam ‘Āshim merupakan riwāyat al-Qur'an yang paling dikenal dan paling banyak digunakan secara luas di dunia. Hal tersebut boleh dibuktikan dengan kewujudan percetakan mushaf Usmani, rekod bacaan al-Qur'an dan kurikulum pembelajaran ilmu ugama di sekolah ataupun institusi pengajian. Yang mana hampir seluruh hal tersebut diterbitkan mengikut kepada riwāyat Hafs dari imam ‘Āshim pada zaman ini. Bahkan, majlis-majlis perlombaan al-Qur'an pada lazimnya juga dijalankan mengikut kepada riwāyat Hafs.

Kemasyhuran riwāyat Hafs tentunya tidak terlepas daripada asbab-asbab, sama ada asbab tersebut merupakan faktor internal ataupun ekternal daripada riwāyat ini. Antara faktor-faktor yang mempengaruhi kesohoran riwāyat Hafs dari imam ‘Āshim ialah sebagai berikut:

i. Pemerintahan Usmaniyah Turki

Salah satu faktor terbesar daripada populariti riwāyat Hafs adalah kewujudan kerajaan Usmaniyah Turki. Yang mana sebetulnya pada zaman dahulu pelbagai Qirāat ataupun riwāyat yang mutawātir telah dipakai dan dipergunakan oleh kaum muslimin di belahan negeri. Dan pada setiap negeri tersebut mempunyai satu bacaan kekal yang paling popular di kalangan penduduknya masing-masing (sebagaimana yang telah diuraikan sebelumnya). Namun, keadaan tersebut berubah setelah pemerintahan Usmaniyah Turki mulai berkuasa pada tahun 1516 Masihi atau pada awal abad ke 10 Hijrah.

Semenjak pemerintahan Usmaniyah berkuasa, riwāyat Hafs menjadi riwāyat yang paling popular dalam kalangan kaum muslimin. Hal itu disebabkan oleh kerana pemerintahan Usmaniyah telah mengiktirafkan riwāyat tersebut sebagai riwāyat resmi bagi bacaan al-Qur'an. Berterusan dengan itu, perluasan kekuasaan ke beberapa negara pada masa yang sama juga sedang digalakkan secara besar-besaran. Di mana pihak pemerintahan mengutus para imam, hakim dan ahli-ahli al-Qur'an untuk mengabdikan diri mereka ke pelusuk wilayah Islam di daerah timur, Jazirah Arab, Mesir, Sudan bahkan sampai ke tanah Islam melayu di Asia Tenggara. Sehingga orang-orang Turki serta seluruh kerajaan-kerajaan Islam yang berada dibawah kekuasaan Usmaniyah akan menggunakan riwāyat Hafs sebagai riwāyat al-Qur'an

resmi yang telah ditetapkan. Terlebih-lebih lagi kerajaan Usmaniyah juga mencabut mushaf-mushaf lain kemudian menggantikannya dengan mushaf baru yang ditulis dan diterbitkan mengikut kepada riwāyat Hafs ‘an ‘Āshim (Ahmad Muflīh, Khalid Syukri dan Khalid Mashur, 2001).

Maka tidak heran jika riwāyat Hafs dari imam ‘Asim al-Kufi semenjak saat itu sampai dengan hari ini dianggap sebagai riwāyat yang paling popular di dunia. Ramai dari umat Islam yang tidak mengetahui bacaan al-Qur'an selain riwāyat ini. Bahkan, ada sebahagian dari mereka yang mengingkari bacaan lain bila mana mereka mendengar seorang Qari' membacakan al-Qur'an dengan riwāyat selain Hafs.

Kaedah Yang Relatif Mudah Untuk Dibaca

Riwāyat Hafs dari ‘Āshim al-Kufi mempunyai kaedah bacaan yang lebih sederhana dan mudah jika berbanding dengan pelbagai Qirāat ataupun riwāyat lainnya. Dalam riwāyat Hafs, kaedah-kaedah yang digunakan cenderung tidak banyak dan juga tidak sulit untuk dipelajari, terutama bagi orang-orang ajam yang non Arab. Sebagai gambarannya, dalam riwāyat Hafs tidak ada bacaan *Imalah* kecuali satu tempat sahaja iaitu perkataan (مجرّها) dalam surat Hud ayat 41, hal itu berbeza dengan Qirāat imam Hamzah, al-Kisā'i dan Khalaf yang mempunyai banyak kaedah tersebut.

Begitupun dengan kaedah *Mad al-Musyabba'* pada hukum *Muttasil* dan *Munfasil*. Kaedah *Saktah* yang berulang pada hamzah yang sebelumnya ada *Sukun*. Kaedah *Waqaf* pada hamzah dalam Qirāat Imam Hamzah dan Hisyam. Kaedah *Imalah* pada *Ha' Ta'nis* saat waqaf dalam Qirāat Imam al-Kasai. Dan kaedah-kaedah *mad* dalam riwāyat Warsh ataupun kaedah menyambungkan *Mim Jama'*, *sukun* dan perbezaan pada *Mad Munfasil* dalam riwāyat *Qālun*. Selain itu, ada juga kaedah menyambungkan *Mim Jama'* yang berulang dalam bacaan Ibnu Kasir dan Abi Ja'far. Atau kaedah *Idgham* bagi *Mitslain* dan *Mutaqaribain* dalam riwāyat as-Susi. Atau kaedah pada hamzah-hamzah yang beriringan dalam Qirāat Imam Nāfi', Ibnu Katsir, Abi 'Amru dan Ibnu 'Āmir. Yang mana semua kaedah-kaedah tersebut hampir tidak ditemukan dalam riwāyat Hafs, bahkan mungkin sebahagian daripada kita belum pernah mendengarkan istilah-istilah dari kaedah tersebut.

Maka oleh itu, dapat terlihat dengan jelas bahawa ada pelbagai kaedah-kaedah dalam riwāyat ataupun Qirāat lain yang tidak diterapkan dalam riwāyat Hafs. Sehingga menjadikan kaedah dalam riwāyat Hafs lebih mudah dan sederhana untuk dipelajari dan dibaca oleh umat Islam, terkhususnya bagi masyarakat awam. Hal itulah yang menjadi salah satu asbab utama perkongsian dan penyebaran riwāyat Hafs lebih dikenal dan popular di kalangan umat Islam.

Rekod Audio

Dari zaman dahulu sampai sekarang, kita dapat melihat dan memperhatikan bahawa bacaan al-Qur'an yang paling banyak di rekod ialah bacaan dengan riwāyat Hafs 'an 'Āshim. Hal itu bermula kerana rekod al-Qur'an yang pertama kali dilakukan dalam dunia Islam oleh Syeikh Mahmud Khalil al-Hushari pada tahun 1963 Masihi ialah mengikut kepada riwāyat Hafs 'an 'Āshim. Sebagaimana yang telah diungkapkan oleh Syeikh Labib Sa'id sebagai perancang dan pemberi inisiatif terhadap program tersebut. Beliau menceritakan dalam karangannya *al-Jam' as-Shaūti al-Awwal li al-Qur'an al-Karīm* atau *al-Mušaf al-Murattal* bahawa bacaan tersebut mengikut kepada riwāyat Hafs dari imam 'Āshim yang bertepatan dengan thariq Syathibiyyah. Sehingga tidak dapat dielakkan bahawa suara merdu Syeikh Khalil yang telah direkod tersebut dan diperdengarkan ke seluruh negeri Islam, juga turut menjadi salah satu asbab utama kemasyhuran riwāyat Hafs (Labib Saeed, t.th).

Pertubuhan Dan Kemajuan Mesin Cetak

Setelah munculnya mesin percetakan di barat, ramai daripada orientalis-orientalis yang melakukan percubaan untuk mencetak mushaf al-Qur'an. Antara cetakan yang paling awal ialah seperti mushaf Venice pada tahun 1538 Masihi dan mushaf Hamburg tahun 1694 Masihi. Dr. Ghanim Qadduri al-Hamd seorang pakar dan peneliti al-Qur'an menyebutkan bahwa mushaf cetakan Hamburg tersebut telah diharakati mengikut kepada riwāyat Hafsh yang mereka rujuk ke pelbagai perpustakaan di negeri Islam pada saat itu.

Pemilihan riwāyat Hafs tersebut bukanlah satu hal yang ganjil, kerana pada masa itu kaum muslimin sudah mempunyai kecenderungan dalam membaca riwāyat tersebut. Yang mana ianya merupakan kesan daripada Pemerintahan Usmaniyah Turki yang telah menjadikan riwāyat Hafs sebagai riwāyat rasmi sejak daripada awal abad ke 10 Hijrah. Sehingga pada saat percetakan al-Qur'an mula-mula dijalankan, masyarakat Islam sudah terlebih dahulu mempunyai kecenderungan terhadap riwāyat Hafs. Dan tentunya itu merupakan satu hal yang pastinya diperhatikan oleh penerbit sebelum mereka mencetak mushaf. Sebagaimana Blacher seorang orientalis terkemuka bidang al-Qur'an pernah menyatakan dalam karangannya *Introduction Au Coran*:

أَنَّ الْجَمَاعَةَ الْإِسْلَامِيَّةَ سُوفَ لَا تَعْرِفُ فِي الْمُسْتَقْبَلِ إِلَّا بِقِرَاءَةِ حَفْصٍ عَنْ عَاصِمٍ


Maksudnya:

Kaum muslimin pada masa yang akan datang tidak akan mengenal bacaan al-Qur'an kecuali dengan riwāyat Hafsh dari 'Āshim (Khourshid, al-Syanthawi dan Abdul Hamid, 1998).

Pernyataan Blacher tersebut tentu didahului dengan pengamatan yang seksama yang menggambarkan kecenderungan masyarakat Islam pada saat itu dan masa yang akan datang terkait kesohoran riwāyat Hafsh dari 'Āshim, sehingga ia bisa memastikan hal tersebut.

Bermula dari abad ke-16 tersebut, pada akhirnya penerbitan mushaf dengan riwāyat Hafs sudah terbiasa dijalankan dalam dunia percetakan. Dan pada abad-abad setelahnya ilmu teknologi dan percetakan terus berkembang dengan sangat laju, yang menjadikan mesin dan alat cetak sangatlah mudah untuk didapatkan di mana sahaja sehingga populariti riwāyat Hafs semakin dikenal.

Terlebih-lebih lagi, saat Saudi Arabia menubuhkan sebuah kompleks jabatan percetakan al-Qur'an di kota Madinah pada tahun 1984 Masihi yang merupakan kompleks percetakan al-Qur'an pertama dan terbesar di dunia. Mereka mencetak jutaan mushaf al-Qur'an dengan riwāyat Hafs dari 'Āshim kemudian mengkongsikannya ke seluruh negeri-negeri muslim seperti jazirah Arab, Afrika dan sampai ke tanah melayu Indonesia, Malaysia dan Brunei Darussalam ('Mujamma' al-Malik Fahd li at-Thiba'ah al-Mushaf as-Syarif, 10 October, 2023). Bahkan, tercatat bahawa kompleks percetakan mushaf ini telah menyebarkan 317 juta cetakan sampai tahun 1440 Hijrah yang mencakupi mushaf, juzuk 'Amma, surat Yasin, terjemahan dan buku-buku. Sehingga tidak heran jika saat ini mushaf al-Qur'an dengan riwāyat Hafs boleh didapati di pelusuk negeri manapun, terutama cetakan Madinah ini. Berterusan dengan itu juga, pada akhirnya pelbagai institusi pengajian seperti sekolah, institusi dan universiti juga menjadikan mushaf al-Qur'an dengan riwāyat Hafs sebagai panduan dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran.



Gambar 1: Contoh Mushaf al-Qur'an yang dicetak mengikut kepada Riwayat Hafs dari Imam 'Ashim al-Kufi (Cetakan Madinah).

Riwāyat Warsh Dari Imam Nāfi'

Riwāyat Warsh dari imam Nāfi' al-Madani adalah salah satu riwāyat al-Qur'an yang popular dalam kalangan umat Islam sekarang. Riwayat ini dinisbatkan kepada Abu Sa'id Usman bin Sa'id bin Abdullah bin 'Amru bin Sulaiman al-Mishry atau yang lebih dikenal dengan Warsh. Pada saat ini, riwayat warsh ramai dibaca oleh kaum muslimin di beberapa negara bahagian Afrika seperti Maghribi, Mauritania, Al-Jazair dan lainnya.

Abu Sa'id Usman bin Sa'id atau Warsh

Imam Warsh mempunyai nama lengkap Abu Sa'id Usman bin Sa'id bin Abdullah bin 'Amru bin Sulaiman al-Mishry. Beliau lahir di Mesir pada tahun 110 Hijrah dan meninggal di kota yang sama pada usia 87 tahun iaitu tahun 197 Hijrah pada zaman pemerintahan khalifah al-Makmun (Al-Jazari, 1993).

Gelaran yang paling terkenal kepada beliau ialah “*Warsh*” yang mana dalam kosa kata bahasa Arab bermakna sesuatu yang terbuat dari susu. Gelaran tersebut diberikan oleh gurunya iaitu imam Nāfi' kerana ia memiliki kulit yang amat putih ibarat susu. Namun dalam pandangan lainnya, disebutkan bahawa gelaran “*Warsh*” berasal dari kata *Warshan* iaitu nama dari seekor burung. Yang kemudian dipermudahkan ucapannya menjadi Warsh. Pemberian gelaran tersebut dianugerahkan kerana imam Warsh memiliki bacaan yang sangat elok dan menarik, di samping warna kulitnya yang amat putih. Sesiapa sahaja yang mendengarkan bacaannya, maka ia tidak akan merasa jemu ataupun bosan. Imam Warsh sangat berbangga dan menyukai gelaran yang telah diberikan kepadanya. Beliau berkata:

أَسْتَادِيْ نَافِعُ سَمَّاِيْ بِهِ

Maksudnya: “Guruku Nāfi’ telah menamaiku demikian” (Al-Zahabi, 1997).

Semasa hidupnya, beliau mengembara dari negara Mesir hingga ke Madinah semata-mata untuk membaca dan mempelajari al-Qur'an kepada imam Nāfi'. Kesungguhan dan tekadnya dalam mempelajari ilmu al-Qur'an tidaklah diragukan. Dikisahkan bahawa sesampainya di kota Madinah beliau terus menuju ke sebuah masjid tempat imam Nāfi' mengajar. Namun setelah sampai di sana, imam Nāfi' hanya mengajarkan 30 ayat sahaja bagi sesetiap murid kerana ramainya yang menghadiri majlis. Melihat keadaan tersebut, Warsh berinisiatif untuk mencari seseorang yang dapat mengantarkannya berjumpa secara langsung dengan imam Nāfi'. Setelah berjumpa dengan seseorang yang bernama Kabir al-Ja'faraini, beliau membawanya bertemu dengan imam Nāfi'. Kemudian Warsh menjelaskan keinginan dan tekadnya kepada al-Imam, sehingga sang guru percaya dan bersedia menerima Warsh seraya meminta kepadanya untuk tinggal di masjid sampai dengan pengajian selesai. Atas tekad dan kesungguhannya tersebut, imam Warsh berjaya menamatkan berulang-ulang kali bacaan di hadapan imam Nāfi' dalam masa sebulan iaitu pada tahun 155 Hijrah. Beliau membaca satu per tujuh (1/7) mushaf perhari sehingga ia mampu menyempurnakan satu khataman al-Qur'an dalam seminggu (Al-Zahabi, 1997).

Setelah berjaya menuntut ilmu daripada imam Nāfi', Warsh kembali ke Mesir untuk mengamalkan apa yang telah beliau pelajari. Kepakaran dan kematangan ilmu yang dimiliki dalam bidang al-Qur'an, menjadikan imam Warsh dilantik oleh kerajaan Mesir untuk mengetuai institusi pengajian al-Qur'an di negara pada zamannya. Sehingga banyak lahir murid-murid yang hebat dari didikannya seperti Ahmad bin Shalih al-Hafiz, Daud bin Abi

Thayyibah, Abu Ya'qub al-Azraq, Abd al-Samad bin Abd al-Rahman bin al-Qasim, Yunus bin Abd al-A'la dan lainnya (Al-Jazari, 1993).

Nāfi' bin Abdurrahman


Imam Nāfi' merupakan guru daripada Warsh. Beliau memiliki nama lengkap Nāfi' bin Abdurrahman bin Abu Nu'aim al-Laitsi al-Kanani. Beliau adalah seorang ahli dalam bidang Qirāat al-Qur'an dan merupakan salah satu Imam Qira'at sepuluh. Imam Nāfi' lahir pada tahun 70 Hijrah di kota Isfahan. Beliau dikenal mempunyai Akhlak yang sangat baik dan jiwa ketaqwaan yang tinggi, sebagaimana dikisahkan oleh imam Qālun bahawa beliau telah melaksanakan shalat di Mesjid Nabawi selama 60 tahun. Imam Nāfi' berguru kepada tujuh puluh tabi'in, antaranya ialah Imam Abu Ja'far (imam qira'at kedelapan), Syaibah bin Nashah, Muslim bin Jundub, Yazid bin Ruman, Muhammad bin Muslim bin Syihab az-Zuhri dan Abdurrahman bin Hurmuz al-A'raj (Al-Jazari, 1993).

Dalam perjalanan hidupnya, Imam Nāfi' merupakan salah satu dari sekian banyak ulama yang mencerahkan waktunya untuk berkhidmah kepada al-Qur'an dan ilmu Qira'at. Sebagai bukti, beliau telah mengajarkan al-Qur'an beserta ilmu Qira'at dalam kurun masa lebih dari tujuh puluh tahun. Dan menjadi rujukan utama dalam bidang Qirāat di kota Madinah setelah meninggalnya salah satu gurunya iaitu imam Ja'far bin al-Qa'qa' (Al-Zahabi, 1997).

Kealiman dan keistiqamahan yang dimiliki Imam Nāfi', menghantarkan beliau menjadi seorang maha guru yang disenangi oleh murid-muridnya. Hal ini ditandai oleh banyaknya murid beliau dari pelbagai negara seperti Mesir, Syam, Madinah dan lainnya. Antara murid beliau yang terkenal adalah Imam Malik bin Anas, Imam Laits bin Sa'ad, Abi Amr bin al-Ala', Isa bin Wardan, Sulaiman bin Muslim bin Jammaz dan kedua putra dari gurunya (Imam Ja'far) iaitu Ismail dan Ya'qub. Namun, antara sekian banyak murid beliau, yang paling terkenal dan kemudian menjadi perawi Imam Nāfi' adalah Imam Warsh dan Imam Qālun (Al-Jazari, 1993). Setelah mengabdikan jiwa dan raganya berkhidmat untuk al-Qur'an, Imam Nāfi' dipanggil untuk menghadap Allah S.W.T pada tahun 169 Hijrah di kota Madinah. Sebelum al-Imam wafat, beliau memberikan nasihat kepada anak-anaknya seraya berkata:


إِتَّقُوا اللَّهَ وَأَصْلِحُوا دَارَتِ بَيْنَكُمْ وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ إِنْ كُنْتُمْ مُّؤْمِنِينَ

Maksudnya: “Bertakwalah kalian kepada Allah SWT dan perbaikilah hubungan antara sesamamu. Serta taatlah kalian kepada Allah SWT jika kalian merupakan orang-orang yang beriman” (Al-Jazari, 1993).



Rajah 2: Sanad Riwayat Warsy dari Imam Nāfi' al-Madani kepada Rasulullah S.A.W.

Pada zaman ini, riwayat Warsh dari imam Nāfi' merupakan riwayat yang paling banyak tersebar di kawasan Maghrib al-'Arabi iaitu kawasan Algeria, Maghribi, Mouritania dan Tunisia. Begitu juga di pelbagai negara-negara Afrika seperti Sudan, Chad, Senegal, Niger, Mali, Nigeria, dan lainnya. Sebelumnya, dahulu riwayat Warsh telah mendominasi di negara Mesir iaitu pada kurun terawal zaman penaklukan Islam hingga akhir abad ke 5 Hijrah. Dan bermula dari bumi Mesir tersebut riwayat ini tersebar ke negara-negara di benua Afrika lainnya sepetimana yang dinyatakan diatas. Namun, seiring berjalan masa populariti tersebut tergantikan dengan riwayat al-Dūri dari Qirāat Abi Amru al-Basri sehingga pertengahan abad ke-12 Hijrah. Kemudian riwayat al-Dūri juga mulai pupus dan akhirnya tergantikan dengan kewujudan riwayat Hafs yang tersebar di Mesir pada abad kesepuluh Hijrah atau awal abad keenam belas Masihi. Bersamaan dengan masuknya orang-orang daripada pemerintahan Usmaniyah Turki saat berjaya menaklukkan kota-kota di jazirah arab (Ali al-Dhabba', t.th).



Gambar 2: Contoh Mushaf al-Qur'an yang dicetak mengikut kepada Riwayat Warsy dari Imam Nafi' al-Madani (Cetakan Muhammad VI-Morocco dengan gaya penulisan Maghribi).

Riwayat Qālun Dari Imam Nāfi'


Selain riwayat Warsh, ada satu perawi masyhur lainnya yang meriwayatkan bacaan Imam Nāfi' hingga sampai kepada kita, iaitu Imam Qālun. Jika imam Warsh adalah perawi yang datang dari luar kota Madinah yakni dari Mesir. Maka imam Qālun adalah perawi yang bearasal dari dalam kota Madinah itu sendiri. Riwayat Qālun termasuk salah satu riwayat yang dianggap mempunyai pembaca tetap pada zaman ini di beberapa negara seperti Libya, Tunisia dan sebahagian Algeria. Riwayat ini dinisbatkan kepada Isa bin Mina bin Wardan atau yang lebih dikenali dengan gelaran Qālun.

Isa bin Mina bin Wardan atau Qālun

Imam Qālun mempunyai nama lengkap Isa bin Mina bin Wardan bin Isa az-Zuraqi. Beliau lahir pada tahun 120 Hijrah dan lebih dikenal dengan panggilan "Qālun" yang bermakna baik atau bagus dalam bahasa Romawi. Gelaran tersebut merupakan penghargaan daripada gurunya imam Nāfi' atas prestasi dan keindahan bacaan yang dimilikinya. Namun ada juga yang berpandangan bahawa gelaran tersebut diberikan kepada imam Qālun kerana kakeknya berasal dari bangsa romawi yang datang ke hijaz pada masa pemerintahan saidina Umar bin Khattab (Al-Zahabi, 1997).


Selain sebagai perawi, Imam Qālun juga merupakan anak tiri daripada imam Nāfi', sehingga tidak heran jika beliau boleh mendapatkan pendidikan yang intensif daripadanya. Beliau belajar al-Qur'an beserta ilmu Qirāat dengan sangat mendalam bahkan bertalaqqi kepada ayah tirinya selama puluhan tahun, sampai tak terhitung berapa kali beliau berjaya mengkhatamkan bacaan al-Qur'an dihadapannya secara bersemuka. Diceritakan bahawa ketika imam Qālun ditanyakan berapa kali ia membaca al-Qur'an kepada gurunya imam Nāfi', beliau menjawab: "*Tak terhitung jumlahnya, bahkan setelah rampung pun aku masih bertalaqqi dengannya selama dua puluh tahun, sehingga Imam Nāfi' berkata kepadaku: (Sungguh banyak*

kamu membaca dan menghatamkan al-Qur'an denganku, maka duduklah di tiang pojok itu sehingga saya hantarkan murid untuk mengaji kepadamu" (Al-Jazari, 1993).



Rajah 3: Sanad Riwāyat Warsy dari Imam Nāfi' al-Madani kepada Rasulullah S.A.W.

Setelah guru sekaligus bapak tirinya wafat, imam Qālun melanjutkan estafet pengajaran al-Qur'an dan ilmu Qirāat di kota Madinah. Pengkhidmatannya dalam bidang al-Qur'an sungguh tak dapat dinilai. Ramai murid-murid yang datang kepadanya untuk membaca dan belajar, sama ada dari dalam Madinah ataupun dari luar kota. Sehingga ia telah berjaya melahirkan generasi yang melanjutkan bacaannya sampai kepada kita saat ini. Namun, dari sekian banyak murid yang berguru kepadanya hanya beberapa sahaja yang terkenal. Antaranya ialah Ahmad bin Yazid Al-Hulwani dan Abu Nasiyith Muhammad bin Harun. Kemudian setelah pengabdian dan pengkhidmatannya yang cukup lama, imam Qālun kembali ke pangkuhan rahmat Allah S.W.T pada tahun 220 Hijrah, iaitu pada zaman pemerintahan khalifah al-Makmun (Al-Jazari, 1993).



Gambar 3: Contoh Mushaf al-Qur'an yang dicetak mengikut riwayat Qalun dari Imam Nafi' al-Madani (Cetakan Tunisia).

Riwāyat Qālun dari imam Nāfi' merupakan salah satu riwāyat mutawātir dan popular yang sentiasa disebutkan oleh pakar ilmu Qirāat dalam tulisan-tulisan mereka. Bahkan,

semenjak zaman dahulu sampai hari ini riwāyatnya merupakan riwāyat pertama yang dicantumkan dan ditulis dalam pelbagai rujukan ilmu Qirāat. Hal tersebut merupakan sebuah bentuk penghargaan dan penghormatan bagi memuliakan kota Rasulullah S.A.W dan perawi-perawi yang berasal dari kota tersebut. Riwāyat Qālun pada zaman ini merupakan riwāyat resmi dan masih dibaca secara kekal di beberapa negara Afrika seperti Libya, sebahagian besar Tunisia dan timur Algeria.

Riwāyat Al-Dūri Dari Imam Abu ‘Amr

Dalam kajian Qirāat sab’ah, riwāyat al-Dūri terdapat dalam dua jalur periwayatan iaitu daripada Qirāat imam Abu ‘Amr al-Bahsri dan Qirāat imam al-Kisā’i al-Kufi. Namun pada pembahasan ini riwāyat al-Dūri yang dimaksudkan ialah riwāyat al-Dūri dari Qirāat Abu ‘Amr al-Bahsri. Di mana ia merupakan salah satu bacaan al-Qur’ān yang mempunyai populariti dan masih dibaca secara kekal saat ini di beberapa negara Afrika seperti Sudan. Riwāyat ini dinisbatkan kepada imam Hafs bin Umar bin Abdul Aziz atau yang lebih dikenali dengan nama al-Dūri.

Hafs bin Umar bin Abdul Aziz atau al-Dūri

Imam al-Dūri mempunyai nama lengkap Hafs bin Umar bin Abdul Aziz bin Suhban bin ‘Uday bin Sahban al-Dūri al-Azdi al-Baghdadi. Beliau lebih dikenali dengan julukan al-Dūri, iaitu julukan yang dinisbatkan kepada sebuah desa yang tidak jauh dari kota Baghdad atau Iraq sekarang. Beliau Lahir di kota Baghdad pada tahun 150 Hijrah pada masa kepemimpinan Abu Ja’far al-Manshur. Saat itu Baghdad merupakan pusat keilmuan dan peradaban keislaman, terutama di kota Kufah dan Bashrah. Sehingga menjadikan lingkungan hidup dari imam al-Dūri penuh dengan para ulama dan para penuntut ilmu dari pelbagai pelusuk negeri (Al-Zahabi, 1997).

Imam al-Dūri wafat pada tahun 248 Hijrah (Al-Zahabi, 1997). Imam al-Dūri merupakan imam para qurra’ pada zamannya. Beliau adalah seseorang yang dapat dipercaya dan kuat hafalannya. Semasa hidup, imam al-Dūri selalu menghabiskan masa dengan belajar, menuntut ilmu dan mengabdikan dirinya bagi ugama, sama ada di Baghdad ataupun di negeri-negeri Islam lainnya. Beliau berguru kepada beberapa ulama terkenal pada zamannya seperti Ismail bin Ja’far, al-Kisā’i, Yahya al-Yazidi, Sulaim dan Abu Bakar. Bersama guru-gurunya tersebut, al-Dūri mempelajari pelbagai bidang keilmuan. Namun, ilmu Qirāat dan bahasa Arab merupakan dua bidang ilmu yang paling beliau tekuni. Sehingga menjadikan beliau sebagai pakar dalam bidang bahasa dan al-Qur’ān, bahkan dianggap sebagai orang yang pertama kali mengumpulkan Qirāat dan menyusunnya (Al-Jazari, 1993).

Dalam bidang Qirāat, imam al-Dūri mempunyai suatu keistimewaan berbanding kepada perawi lainnya dari Qirāat ‘Asyarah. Di mana beliau dipilih menjadi perawi dari dua imam Qirāat sekaligus iaitu dari Abu ‘Amr al-Basri dan al-Kisā’i al-Kufi. Bahkan, beliau juga dipilih menjadi perawi dari Qirāat al-Hasan al-Bashri yang merupakan satu dari empat Qirāat

Syadz yang terkenal. Oleh kerana itu, saat mempelajari ilmu Qirāat para pelajar dituntut supaya lebih teliti dalam membezakan riwāyat-riwāyat tersebut, terkhususnya riwāyat yang mutawātir. Dalam sebuah riwāyat, dikisahkan bahawa imam Ahmad bin Hanbal yang merupakan kawan dari imam al-Dūri pernah mengungkapkan bahawa al-Dūri merupakan seorang alim yang mempunyai umur panjang lagi berkah. Keluasan ilmunya dan ketinggian sanadnya membuat ramai orang datang berbondong-bondong untuk menggali ilmu dan bertalaqqi kepadanya. Seperti Ahmad bin Yazid al-Hilwani, Abdurrahman bin ‘Abdus, al-Hassan bin abdul Wahhab al-Warraq, Al-Hassan bin al-Hussein as-Sawaf, Ahmad bin Harb dan banyak lainnya (Al-Jazari, 1993).

Abu ‘Amr al-Bahsri

Adapun Abu ‘Amr ialah salah satu imam qira’at sab’ah yang lahir di Makkah pada tahun 70 Hijrah. Para Ashli sejarah berselisih pandang terhadap nama aslinya sampai kepada 20 lebih pandangan, namun jumhur mengatakan bahawa nama penuhnya adalah Zabban bin al-Ala’ bin Ammar bin al-Uryan bin Abdullah bin al-Husain bin al-Harits bin Jalhamah. Beliau dikenali dengan sebutan al-Imam as-Sayyid Abu Amr at-Tamimi al-Mazini al-Bashri. Nasabnya bersambung kepada Adnan iaitu buyut dari baginda Nabi Muhammad S.A.W (Al-Zahabi, 1997).

Abu ‘Amr merupakan imam qira’at yang mempunyai guru paling ramai. Tidak ada satu pun imam qira’at sab’ah yang lebih banyak gurunya dibandingkan Abu Amr. Sejak kecil tekad dan kesungguhannya dalam belajar sudah terlihat. Beliau berguru kepada ramai masyaikh di kota Makkah, Madinah, Kufah hingga Bashrah. Beliau belajar al-Qur’ān dan Qirāat daripada Abu Ja’far, Syaibah bin Nasah, Nāfi’ bin Abu Nu’aim, Abdullah ibnu Kasir, ‘Āshim bin Abu an-Nujud dan Abu al-‘Aliyah. Abu al-‘Aliyah sendiri menerima Qirāat daripada Umar bin Khattab, Ubay bin Ka’ab, Zaid bin Sabit dan Abdullah bin Abbas. Yang mana keempat-empat sahabat tersebut menerima qira’at secara langsung daripada Rasulullah SAW. Bukan sahaja dalam bidang al-Qur’ān, namun Abu ‘Amr juga tercatat pernah mendengar langsung hadis Nabi daripada sahabat Anas bin Malik dan para sahabat lainnya (Al-Jazari, 1993).


Abu ‘Amr adalah orang yang sangat ahli dalam bidang al-Qur’ān dan bahasa, beliau juga merupakan orang yang taat lagi zuhud. Bahkan, dikisahkan dalam sebuah riwāyat bahawa beberapa saat setelah Abu ‘Amr meninggal dan dikuburkan, sebahagian sahabat dan para ulama hadir ke kediamannya untuk bertakziyah. Kemudian salah satu dari mereka iaitu Yunus bin Habib menjumpai anak-anaknya seraya berkata:

وَاللَّهِ لَوْ فُسِمَ عِلْمُ أَيِّنْ عَمِرُو وَزُهْدُهُ عَلَى مِائَةٍ إِنْسَانٍ لَكَانُوا كُلُّهُمْ عُلَمَاءٌ رُّهَادًا

Maksudnya: “Demi Allah, seandainya ilmu dan zuhudnya Abu ‘Amr al-Bashri dibahagikan kepada 100 orang. Maka nescaya semua mereka akan menjadi orang yang alim dan zuhud” (Al-Jazari, 1993).

Setelah perjalanan yang begitu panjang dalam menuntut ilmu. Pada akhirnya Abu ‘Amr berpindah ke Basrah dan menetap di sana sehingga menjadi seorang imam dan panutan masyarakat Basrah dalam bidang al-Qur'an. Ramai para penuntut yang datang untuk berguru al-Qur'an kepadanya. Salah satu muridnya yang paling terkenal ialah Yahya bin Mubarak bin Mughirah al-Yazidi. Yang mana kedua-dua perawi Qirāat Abu ‘Amr iaitu al-Dūri dan as-Susi menerima dan meriwayatkan Qirāat beliau melalui jalurnya Yahya bin Mubarak (Al-Zahabi, 1997).


Setelah mengabdi dan berkhidmat kepada al-Qur'an dan ilmu Qirāat, Abu ‘Amr menutup usianya di kota Kufah pada tahun 154 Hijrah iaitu pada saat umurnya mendekati 90 tahun (Al-Jazari, 1993).



Rajah 4: Sanad Riwayat al-Dūri dari Imam Abu ‘Amr al-Bashri kepada Rasulullah S.A.W.

Riwayat al-Dūri dari Abu ‘Amr merupakan riwayat yang paling banyak tersebar di wilayah Afrika seperti Somalia, Chad, Nigeria dan terutama sekali Sudan. Syeikh Tahir bin ‘Asyur berkata: “Sesungguhnya ada beberapa Qirāat ataupun riwayat al-Qur'an yang masih dibaca dengan tetap di negara-negara Islam pada hari ini -yakni pada zamannya-. Pertama, riwayat Qālun dari Imam Nāfi' di sebahagian wilayah Tunisia, Mesir dan di Libya. Kedua, riwayat Warsh dari Imam Nāfi' di sebahagian lain daripada Tunisia, Mesir serta di seluruh Aljazair, bumi Maghribi (Andalusia) dan Sudan. Ketiga, riwayat Hafs dari Imam ‘Āshim di seluruh negara timur dan sebahagian besar Mesir serta di Hindia, Pakistan, Turki, dan Afghanistan”. Kemudian Ibnu ‘Asyur berkata: “Adapun yang keempat adalah Qirāat Abu

‘Amru al-Bashri, ianya digunakan di negara Sudan yang berbatasan langsung dengan Mesir’ (Al-Syahud, t.th).



Gambar 4: Contoh Mushaf al-Qur'an yang dicetak mengikut kepada Riwayat al-Duri dari Imam Abi 'Amr al-Bashri (Cetakan Madinah)

Upaya Pelestarian Riwayat Al-Dūri Di Sudan

Sudan merupakan satu-satunya negara di dunia Islam yang menjalankan pengajian al-Qur'an dengan tiga riwayat berbeza dari empat riwayat popular di dunia saat ini. Iaitu riwayat al-Dūri dari Abu 'Amr al-Basri yang tersebar di Sudan bahagian tengah, riwayat Warsh dari Nāfi' al-Madani di Sudan bahagian barat dan utara. Serta riwayat Hafs dari Āshim al-Kufi yang tersebar di seluruh wilayah Sudan, terkhususnya di pada lembaga dan institusi pendidikan.

Riwayat al-Dūri merupakan riwayat yang paling popular dan banyak digunakan di Sudan. Para pendahulu mereka telah menggunakan riwayat tersebut sejak zaman berzaman. Di mana kaedah yang terdapat dalam bacaan al-Dūri sangat sesuai dengan dialek/gaya bahasa masyarakat Sudan. Kesohoran bacaan itupun terus bertambah semenjak ditubuhkannya *Khalwah-khalwah* (lembaga atau madrasah pengajian al-Qur'an) pada tahun 1570 Masihi. Yang mana setiap khalwah tersebut telah menetapkan riwayat al-Dūri sebagai standar bagi kurikulum pengajian al-Qur'an (Yousuf, 2016, h. 10).

Akan tetapi, pada zaman pemerintahan Inggris-Mesir yang bermula sejak tahun 1899-1955 Masihi. Riwayat Hafs mulai tersebar ke beberapa daerah di Sudan bersamaan dengan datangnya orang-orang daripada Mesir. Dan secara perlahan-lahan mulai menggantikan peranan riwayat al-Dūri terutama di wilayah pemerintahan dan perkotaan. Terlebih-lebih lagi mushaf al-Qur'an dengan riwayat tersebut pada masa itu juga belum tersedia. Maka memandang hal tersebut, pelbagai forum dan persidangan telah diwujudkan untuk memulai kembali pengisytiharan riwayat al-Dūri dalam kalangan masyarakat Sudan. Dan antara hasil kajian terpenting yang telah didapatkan dalam forum-forum itu adalah melakukan penerbitan mushaf al-Qur'an yang ditulis dengan riwayat al-Dūri dan mengagihkannya ke setiap *khalwah*. Di samping mengadakan kursus singkat bagi tenaga pengajar supaya boleh menguasai riwayat tersebut dengan betul (Yousuf, 2016, h. 15).

Percetakan mushaf dengan riwāyat al-Dūri di Sudan dilakukan pertama kali pada tahun 1980 Masihi, iaitu pada zaman pemerintahan Ja'far Nimeiry. Mushaf-mushaf tersebut diagihkan kepada seluruh penuntut yang sedang menjalankan pengajian di *khalwah*. Mengingat bahawa *khalwah* merupakan satu sumber terbesar bagi kurikulum pengajian al-Qur'an di Sudan. Kemudian pengisytiharan cetakan mushaf dengan riwāyat al-Dūri semakin digalakkan di negara tersebut. Yang mana pada tahun 2004 Masihi pengarah lembaga Dar Mushaf Afrika iaitu Dr. Hasan Muhammad Ali menyumbang sebanyak 1000 mushaf al-Qur'an yang dicetak dengan riwāyat al-Dūri. Kegiatan tersebut diikuti dan disokong juga oleh pelbagai institusi lainnya seperti Universiti al-Qur'an al-Karim, Institut Imam as-Shatibi Omdurman dan Organisasi Dakwah Islam (Yousuf, 2016, h. 14).

Kemudian pada bulan Maret 2009 Masihi, wilayah Gezira (yang terletak di Sudan bahagian tengah) juga membuat perjanjian kerjasama dengan Dar Mushaf Afrika dalam bidang percetakan dan perkongsian mushaf al-Qur'an di wiliyah Gezira. Secara bersama-sama Universiti al-Qur'an al-Karim, Pusat Penyelidikan al-Qur'an dari Universiti Gezira dan Kementerian Hal Ehwal Kemasyarakatan, menyerahkan mushaf-mushaf yang telah dicetak dengan riwāyat al-Dūri ke pelbagai masjid dan lembaga-lembaga pengajian al-Qur'an. Bahkan, buku-buku pendidikan ugama dan pembelajaran al-Qur'an juga ikut serta dibagikan secara percuma kepada pelajar tingkat dasar dan menengah (Yousuf, 2016, h. 15).

Seterusnya dalam rangka untuk membumikan dan melestarikan riwāyat tersebut, Dewan Majlis Universiti al-Qur'an al-Karim dan Lembaga Keilmuan di wilayah Gezira menetapkan riwāyat al-Dūri dari Abu 'Amr al-Bashri sebagai riwāyat resmi di universiti. Di mana seluruh dewan majlis dan pensyarah telah menyetujui perihal tersebut dan lembaga pengajian al-Qur'an dari universiti juga telah merancang untuk mengadakan kursus kelayakan bagi guru-guru al-Qur'an. Demikian juga rektor universiti telah mengeluarkan sebuah keputusan untuk membentuk panitia pencetakan al-Qur'an. Di mana nantinya proses percentakan dan penerbitan akan dibahagi kepada tiga tahapan. Tahapan pertama, mencetak satupersepuluh (1/10) daripada akhir mushaf dan mengagihkannya kepada seluruh penuntut tahun pertama di universiti. Tahapan kedua, mencetak satuperempat (1/4) mushaf dan tahapan ketiga menyempurnakan pencetakan al-Qur'an secara keseluruhan (Al-Ribathaby, 04 October 2011).

Tidak jauh berbeza dengan Gezira, wilayah Khartoum juga melakukan hal yang sama untuk mengisytiharkan riwāyat al-Dūri. Di mana Kementerian Waqaf serta Lembaga Wakaf Islam dan Dewan Zakat bekerjasama untuk mengagihkan 30.000 salinan mushaf al-Qur'an kepada seluruh penuntut yang belajar di lembaga-lembaga pengajian al-Qur'an di wilayah Khartoum. Kemudian pengarah Lembaga Wakaf Islam (pada saat itu) Prof. Hamzah Syeikh Muhammad Salih juga menerangkan bahawa perkara tersebut tidak hanya berhenti sampai dengan itu sahaja, namun ia akan diteruskan kepada tahapan-tahapan selanjutnya. Yang mana akan dimulai dengan mencetak sebanyak seratus ribu salinan mushaf pada tahapan awal. Kemudian sebanyak satu juta seratus ribu salinan pada tahapan kedua. Dan enam juta salinan pada tahapan akhir, sehingga mushaf al-Dūri boleh dibahagikan kepada setiap muslim di wilayah Khartoum (Islam Times, 17 June 2011).


Begitulah upaya dan usaha yang telah dilakukan untuk mengkekalkan riwāyat al-Dūri di Sudan. Sekiranya hal tersebut tidak dijalankan, maka ada kemungkinan bahawa masyarakat Sudan saat ini akan membaca al-Qur'an dengan satu riwāyat lain. Dan bersamaan dengan itu pula, riwāyat al-Qur'an yang popular di dunia juga hanya dikenali tiga bacaan sahaja tanpa adanya riwāyat al-Dūri. Oleh kerana itu, dari uraian di atas dapat diperhatikan bahawa ini merupakan satu kejayaan besar dalam menjaga dan melestarikan bahagian daripada al-Qur'an. Mengingat bahawa semua riwāyat tersebut adalah wahyu daripada Allah S.W.T. Sehingga menjadi sebuah kewajipan bagi umat Islam untuk terus melestarikan dan menjaganya agar tidak mengalami kepupusan.

Kesimpulan

Pada zaman sekarang ada empat riwāyat mutawātir yang masih dijadikan rujukan kekal oleh kaum muslimin dalam tilawah al-Qur'an, iaitu riwāyat Hafs, Warsy, Qālun dan al-Dūri. Manakala Qirāat ataupun riwāyat mutawātir lainnya tidak diragukan lagi bahawa ia juga masih dibaca dan dipelajari. Namun, ia tidak lagi mempunyai pembaca tetap dan kekal sebagaimana empat riwāyat tersebut. Melainkan hanya dibaca oleh orang-orang yang khas dan dipelajari dalam kajian-kajian tertentu sahaja.

Riwāyat Hafs adalah bacaan yang paling ramai digunakan saat ini, lebih dari 50% umat Islam telah merujuk kepadanya bahkan hampir tidak ada seorang muslim yang tidak mengenali riwāyat tersebut. Mushaf dengan riwāyat Hafs juga sangat mudah untuk dijumpai di mana sahaja kendatipun di satu negara yang menggunakan riwāyat lain. Antara faktor besar yang menjadikan riwāyat Hafs tersebar dengan sangat luas ialah kerana kebijakan dari Pemerintahan Usmaniyah Turki yang telah menjadikan riwāyat tersebut sebagai bacaan rasmi negara. Bertepatan dengan itu mereka juga mengirim para ahli al-Qur'an ke pelbagai wilayah Islam, sehingga secara perlahan-lahan riwāyat Hafs mulai menggantikan peranan beberapa riwāyat lain dan dikenali lebih luas oleh umat Islam.

Manakala riwāyat Warsy, Qālun dan al-Dūri ramai digunakan oleh umat Islam di pelbagai wilayah Afrika. Bacaan Warsy sendiri telah menjadi perhatian besar negara Maghribi, periwāyatannya juga telah dijaga dan dilestarikan oleh para ulama setempat sejak zaman berzaman. Adapun riwāyat Qālun, ianya telah mendominasi bacaan al-Qur'an masyarakat Libya saat ini. Sebagaimana riwāyat al-Dūri juga telah menjadi bacaan utama di Sudan. Mengingat Sudan memiliki peranan dan jasa yang sangat besar dalam menjaga kelestarian riwāyat tersebut. Iaitu melalui kewujudan *khalwah* al-Qur'an yang telah ditubuhkan sejak abad enam belas masihi.



Gambar 5: Peta penyebaran empat riwāyat al-Qur'an yang paling popular di dunia.

Akan tetapi, mesti difahami bahawa kesohoran empat riwāyat tersebut, sama sekali tidak mengurangi keagungan dan keabsahan Qirāat atau riwāyat lainnya. Sebagaimana populariti riwāyat itu dalam kalangan masyarakat juga tidak memberikan anggapan bahawa ianya lebih utama daripada riwāyat lain, dan bacaan lain lebih rendah berbanding dengannya. Kerana pada hakikatnya semua bacaan tersebut (sama ada ia tersohor ataupun tidak) merupakan bahagian daripada al-Qur'an yang diturunkan ke atas baginda Rasul SAW dengan perantaraan malaikat Jibril. Dan setiap muslim diberikan kebebasan untuk memilih mana-mana bacaan yang ia kehendaki dan mudah baginya. Sebagaimana yang telah disebutkan dalam Sahih al-Bukhari bahawa baginda Nabi S.A.W bersabda:

إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ أُنزَلَ عَلَى سَبْعَةِ أَحْرُفٍ، فَأَقْرَءُوا مَا تَيَسَّرَ مِنْهُ

Maksudnya: “Sesungguhnya al-Qur'an ini diturunkan dengan tujuh huruf, maka bacalah dengan apa yang mudah daripadanya” (Al-Bukhari, 2020).

Dan dalam Sahih Muslim disebutkan bahawa malaikat Jibril A.S berkata kepada baginda Nabi S.A.W:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكَ أَنْ تَقْرَأْ أَمْثَكَ الْقُرْآنَ عَلَى سَبْعَةِ أَحْرُفٍ. فَإِنَّمَا حَرْفٌ قَرَءُوا عَلَيْهِ، فَقَدْ أَصَابُوكُمْ

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah memerintahkanmu untuk membacakan al-Qur'an kepada umatmu dalam tujuh huruf. Maka huruf mana sahaja yang mereka baca, maka sungguh mereka telah benar” (Muslim, 1955).

Sehingga ini memberikan pemahaman kepada kita bahawa tidak ada perbezaan hukum terhadap riwāyat al-Qur'an yang mutawātir, kerana pada asalnya semua bacaan itu adalah sama. Di mana ia merupakan bahagian daripada *Ahruf Sab'ah* ataupun kepelbagaian yang diwahyukan Allah Ta'ala kepada baginda Rasul 'alaihisshalatu wassalam.

RUJUKAN

- Al-Dhabba', Ali bin Mohammad. (t.t). *Al-Idhaat fi Bayan Ushul al-Qirāat*. Cairo: al-Maktabah al-Azhariyyah li at-Turath.
- Al-Baaz, Muhammad Abbas. (2004). *Mabahith fi Ilmi al-Qirāat ma'a Bayani Ushul Riwayat Hafs*. Cairo: Darul Kalimah.
- Al-Bukhari, Muhammad bin Ismail al-Bukhari. (2020). *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtashar min Umuri Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam wa Sunani Ayyamihi (Sahih al-Bukhari)*. Mohammad Zouhair bin Nashir al-Nashir (Ed.). Jeddah: Dar Tawq al-Najat.
- Al-Jazari, Syamsuddin Abu al-Khair Ibnu al-Jazari. (1933). *Ghayat an-Nihayah fi Thabaqat al-Qura'*. Cairo: Maktabah Ibn Taimiyah.
- Al-Mas'ul, Abdul Ali. (2007). *Mu'jam Musthalahat 'Ilmi al-Qirāat al-Qur'aniyah*. Cairo: Dar as-Salam.
- Al-Ribathaby, Abdul Haq Syarif. (04 Oktober 2011). *Tauthin Riwayah al-Dūri bi as-Sudan*. Dicapai dari <https://watane.sudanforums.net/t58-topic> (date of access: 24/10/2022).
- Al-Syahud, Ali bin Nayef. (t.t). *Mausu'at al-Buhuth wa al-Maqalat al-Ilmiyyah*. t.k: t.p .h.2.
- Al-Syaibani, Ahmad bin Muhammad bin Hanbal. (2001). *Al-'Ilal wa Ma'rifat ar-Rijal*. Washiyullah bin Muhammad Abbas (Ed.). Riyadh: Darul Khani.
- Al-Syatibi, al-Qasim bin Firruh bin Khalaf bin Ahmad. (2005). *Hirz al-Amani Wa Wajhu at-Tahani Fi al-Qirāat as-Sab'i*. Damaskus: Dar al-Ghauthani Li ad-Dirasat al-Qur'aniyah.
- Al-Zahabi, Syamsuddin Muhammad bin Ahmad. (1997). *Ma'rifat al-Qurra' al-Kibar 'Ala at-Thabaqat wa al-A'shar*. Beirut: Darul Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibrahim Zaki Khoursyid, Ahmad as-Syantanawi, Abdul Hamid Yunus. (1998). *Mujiz Dairat al-Ma'arif al-Islamiah*. Cairo: Markaz Syariqah.
- Islam Times. (17 June 2011). *Al-Khartoum Tuwazza' Thalathin Alf Nuskah min al-Mushaf as-Syarif (Khartoum membagi tiga puluh ribu Salinan mushaf al-Qur'an)*. Dicapai dari <https://www.islamtimes.org/ar/news/79391/> (date of access: 05/11/2022).
- Labib al-Sa'id. (t.t). *Al-Jam' as-Shauti al-Awwal li al-Qur'an al-Karim aw al-Mushaf al-Murattal*. Cairo: Darul Katib al-'Arabi.
- Muhammad Ahmad Muflih, Ahmad Khalid Syukri, Muhammad Khalid Manshur. (2001). *Muqaddimat fi Ilmi al-Qirāat*. Amman: Dar Imar.
- Mujamma' al-Malik Fahd li at-Thiba'ah al-Mushaf as-Syarif. (t.th). *Intaj al-Mujamma' Wa Tauzi'uhu wa Khidamatuhu li al-Mujtama'* (*Pengeluaran, pengedaran dan perkhidmatan kompleks kepada masyarakat*). Dicapai dari <https://qurancomplex.gov.sa/kfgqpc/statist/> (date of access: 10/10/2023).
- Muslim, Muslim bin al-Hujjaj al-Nisaburi. (1955). *Al-Musnad as-Shahih al-Mukhtashar bi Naqli al-'Adli 'ani al-'Adli ila Rasulullah (Sahih Muslim)*. Muhammad Fu'ad Abdul Baqi (Ed.). Beirut: Dar Ihya al-Turath al-Arabi.
- Yusuf, Tajuddin Mahmud. (2016, January). Al-Imam al-Dūri wa Asbabu Intisyari Riwayatihi di as-Sudan. *Majalah al-Qalam*, 5.